



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 794

AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK (PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968

(Disemak—2017)

**AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK
(PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968**

Disemak sehingga 2 Oktober 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini 16 Oktober 2017

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat
kuasanya edisi semakan ini menurut
perenggan 6(1)(xxiii) Akta Penyemakan
Undang-Undang 1968 [*Akta 1*] 16 Oktober 2017

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1968 sebagai Akta
Parlimen No. 8 tahun 1968

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 794

AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK (PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah penahanan pendapatan
5. Jenis perintah penahanan pendapatan
6. Kesan perintah penahanan pendapatan
7. Kewajipan defendan dan majikan untuk mematuhi perintah penahanan pendapatan
8. Kuasa tambahan mahkamah dalam prosiding perintah penahanan pendapatan
9. Kuasa mahkamah menentukan apakah pendapatan
10. Pembayaran wang di bawah perintah penahanan pendapatan
11. Jika pendapatan dibayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang Disatukan
12. Penalti kerana tidak mematuhi perintah penahanan pendapatan dan kerana memberikan notis atau pernyataan palsu
13. Perintah untuk membuat pembayaran kepada mahkamah
14. Pemakaian di Negeri-Negeri
15. Ubah suaian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 794

AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK (PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan perintah nafkah.

[21 Mac 1968]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968.

Pemakaian

2. Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“defendan”, berhubung dengan suatu perintah nafkah atau suatu perintah penahanan pendapatan yang berkaitan, ertinya orang yang bertanggungjawab membuat pembayaran di bawah perintah nafkah itu;

“mahkamah” ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa untuk membuat suatu perintah nafkah;

“majikan” ertinya seseorang yang, sebagai seorang prinsipal dan bukan sebagai seorang pekhidmat atau ejen, kena membayar pendapatan kepada defendan;

“pendapatan”, berhubung dengan seseorang defendan, ertinya apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepadanya—

- (a) sebagai upah atau gaji, termasuklah apa-apa fi, bonus, komisen, bayaran lebih masa atau emolumen lain yang kena dibayar sebagai tambahan kepada upah atau gaji oleh orang yang membayar upah dan gaji itu atau yang kena dibayar di bawah suatu kontrak perkhidmatan; atau
- (b) sebagai pencen, termasuklah ganjaran dan suatu anuiti berkenaan dengan perkhidmatan yang lepas, sama ada perkhidmatan itu diberikan untuk orang yang membayar anuiti itu atau tidak, dan termasuklah pembayaran berkala sebagai pampasan bagi kehilangan, penghapusan atau pelepasan, atau apa-apa pengurangan emolumen, mana-mana jawatan atau pekerjaan;

“perintah nafkah” ertinya—

- (a) suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 3 Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [*Akta 263*];
- (b) suatu perintah untuk pembayaran jumlah wang berkala sebagai nafkah atau alimoni kepada seseorang isteri atau bagi faedah mana-mana anak di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*]; dan
- (c) suatu perintah nafkah yang disahkan oleh mahkamah di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan Bagi Penguatkuasaan) 1949 [*Akta 34*],

dan jika Akta ini terpakai menurut kuasa suatu pemberikuasaan di bawah seksyen 14 bagi atau berkenaan dengan suatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah, termasuk perintah itu;

“perintah penahanan pendapatan” ertinya suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 4.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah penahanan pendapatan

4. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, mahkamah boleh, atas permohonan orang yang mengenai nafkahnya perintah itu dibuat atau penjaga orang itu, membuat suatu perintah penahanan pendapatan jika didapati oleh mahkamah adil untuk berbuat demikian.

(2) Sesuatu permohonan bagi perintah penahanan pendapatan boleh dibuat dalam prosiding yang dalamnya suatu perintah nafkah dipohon atau dalam mana-mana prosiding kemudiannya.

Jenis perintah penahanan pendapatan

5. (1) Suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah menghendaki orang yang kepadanya perintah yang berkenaan itu ditujukan, iaitu seorang yang ternyata kepada mahkamah ialah majikan defendan, supaya membuat pembayaran daripada pendapatan yang kena dibayar kepada defendan bagi mematuhi perintah itu.

(2) Amaun yang akan ditetapkan dalam sesuatu perintah penahanan pendapatan hendaklah jumlah wang yang difikirkan munasabah oleh mahkamah setelah mengambil kira sumber dan keperluan defendan dan keperluan orang yang mesti atau dengan munasabah patut ditanggung oleh defendan.

(3) Suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah mengandungi, setakat yang butir-butir itu diketahui oleh mahkamah yang membuat perintah itu, apa-apa butir yang ditetapkan bagi maksud membolehkan defendan itu dikenal pasti oleh orang yang kepadanya perintah itu ditujukan.

(4) Suatu perintah penahanan pendapatan atau apa-apa perubahan perintah itu tidak boleh berkuat kuasa sehingga berakhir tempoh tujuh hari dari tarikh apabila suatu salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang kepadanya perintah itu ditujukan.

(5) Suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah menetapkan pegawai yang kepadanya pembayaran di bawah perintah itu hendak dibuat.

Kesan perintah penahanan pendapatan

6. (1) Apabila suatu perintah penahanan pendapatan dibuat, semua prosiding lain bagi menguatkuasakan perintah nafkah yang berkaitan yang dimulai sebelum perintah penahanan pendapatan itu dibuat hendaklah digantung.

(2) Mahkamah yang olehnya suatu perintah penahanan pendapatan dibuat boleh, jika difikirkannya patut, atas permohonan defendan

atau seseorang yang berhak untuk menerima pembayaran di bawah perintah nafkah yang berkaitan itu, membuat suatu perintah melepaskan atau mengubah perintah penahanan pendapatan itu.

(3) Suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah terhenti berkuat kuasa—

- (a) apabila suatu waran dikeluarkan yang mengarahkan bahawa amaun yang kena dibayar di bawah perintah nafkah yang berkaitan itu hendaklah dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melewi denda;
- (b) apabila suatu perintah dibuat untuk menghukum defendan itu dengan pemenjaraan kerana tidak mematuhi perintah nafkah yang berkaitan itu; dan
- (c) apabila perintah nafkah yang berkaitan itu dibatalkan.

(4) Jika suatu perintah penahanan pendapatan terhenti berkuat kuasa di bawah subseksyen (3), mahkamah yang membuat perintah itu hendaklah memberikan notis mengenai pemberhentian itu kepada orang yang kepadanya perintah itu ditujukan.

Kewajipan defendan dan majikan untuk mematuhi perintah penahanan pendapatan

7. (1) Seseorang yang kepadanya suatu perintah penahanan pendapatan ditujukan hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain tetapi tertakluk kepada Akta ini, mematuhi perintah itu atau, jika perintah itu kemudiannya diubah di bawah seksyen 6, mematuhi perintah itu sebagaimana yang diubah sedemikian.

(2) Jika pada bila-bila masa apabila pendapatan kena dibayar kepada defendan terdapat dua perintah penahanan pendapatan atau lebih yang berkuat kuasa yang berhubungan dengan pendapatan itu, maka, bagi maksud mematuhi Akta ini majikan hendaklah—

- (a) menguruskan perintah-perintah itu masing-masing mengikut tarikh perintah-perintah itu mula berkuat kuasa tanpa mengambil kira mana-mana perintah yang terkemudian sehingga semua perintah yang terdahulu telah diuruskan; dan

(b) menguruskan mana-mana perintah yang terkemudian seolah-olah pendapatan yang berkaitan dengannya adalah baki daripada pendapatan defendan selepas membuat apa-apa pembayaran di bawah Akta ini menurut mana-mana perintah yang terdahulu.

(3) Seseorang majikan, yang menurut suatu perintah penahanan pendapatan membuat pembayaran di bawah Akta ini, hendaklah memberi defendan suatu pernyataan bertulis yang menyatakan amaun pembayaran itu.

(4) Jika orang yang kepadanya suatu perintah penahanan pendapatan ditujukan telah, dalam tempoh masa sebulan sebaik sebelum hari perintah itu disampaikan kepadanya, bukan pada bila-bila masa merupakan majikan defendan, dia hendaklah dengan serta-merta memberikan notis bertulis yang bermaksud sedemikian dalam bentuk yang ditetapkan kepada mahkamah.

Kuasa tambahan mahkamah dalam prosiding perintah penahanan pendapatan

8. (1) Jika prosiding yang berhubungan dengan suatu perintah penahanan pendapatan dibawa dalam mana-mana mahkamah, mahkamah itu boleh sama ada sebelum atau pada pendengaran itu—

- (a) memerintahkan supaya defendan memberi mahkamah, dalam tempoh yang dinyatakan oleh perintah itu, suatu pernyataan yang ditandatangani mengenai—
 - (i) nama dan alamat majikannya, atau setiap majikannya jika dia mempunyai lebih daripada seorang majikan;
 - (ii) apa-apa butir tentang pendapatan defendan sebagaimana yang dinyatakan itu; dan
 - (iii) apa-apa butir yang ditetapkan yang dinyatakan sedemikian bagi maksud membolehkan defendan dikenal pasti oleh majikannya; dan

(b) memerintahkan supaya mana-mana orang yang ternyata kepada mahkamah ialah majikan defendan memberi mahkamah, dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh perintah itu, suatu pernyataan yang ditandatangani atau bagi pihaknya tentang apa-apa butir yang dinyatakan oleh perintah itu, mengenai semua pendapatan defendan yang kena dibayar oleh orang itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan sedemikian dalam perintah itu.

(2) Suatu dokumen yang berupa sebagai suatu pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah, dalam mana-mana prosiding yang disebut sedemikian, diterima sebagai keterangan dan disifatkan sebagai suatu pernyataan sedemikian tanpa apa-apa bukti lanjut melainkan jika ditunjukkan sebaliknya.

Kuasa mahkamah menentukan apakah pendapatan

9. (1) Mahkamah yang olehnya suatu perintah penahanan pendapatan telah dibuat hendaklah, atas permohonan orang yang kepadanya perintah itu ditujukan atau atas permohonan defendan atau orang yang bagi faedahnya perintah itu dibuat, menentukan sama ada pembayaran kepada defendan daripada kelas atau perihalan tertentu yang dinyatakan oleh permohonan itu ialah pendapatan bagi maksud perintah itu; dan orang yang kepadanya perintah itu ditujukan berhak untuk menguatkuasakan apa-apa penentuan yang sedang berkuat kuasa di bawah subseksyen ini.

(2) Seseorang yang kepadanya suatu perintah penahanan pendapatan ditujukan yang membuat suatu permohonan di bawah subseksyen (1) tidaklah menanggung apa-apa liabiliti kerana tidak mematuhi perintah itu mengenai apa-apa pembayaran daripada kelas atau perihalan yang dinyatakan dalam permohonan itu yang dibuat olehnya kepada defendan jika permohonan, atau mana-mana rayuan yang berbangkit daripadanya, masih belum selesai.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai bagi pembayaran itu jika orang itu kemudiannya menarik balik permohonan itu atau, tidak meneruskan rayuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembayaran wang di bawah perintah penahanan pendapatan

10. (1) Mahkamah yang kepadanya seseorang majikan membayar jumlah wang menurut suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah membayar jumlah wang itu kepada orang yang berhak menerima pembayaran itu di bawah perintah nafkah yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah penahanan pendapatan itu.

(2) Apa-apa wang yang diterima oleh mahkamah menurut kuasa suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah disifatkan sebagai pembayaran yang dibuat oleh defendan untuk menjelaskan—

- (a) pertamanya, apa-apa wang yang pada masa itu kena dibayar dan belum dibayar di bawah perintah nafkah yang berkaitan (jumlah wang yang kena dibayar pada tarikh yang lebih awal hendaklah dijelaskan sebelum jumlah wang yang kena dibayar pada tarikh yang kemudian); dan
- (b) keduanya, apa-apa kos yang ditanggung dalam prosiding yang berhubungan dengan perintah nafkah itu yang kena dibayar oleh defendan apabila perintah penahanan pendapatan itu dibuat atau terakhir diubah.

Jika pendapatan dibayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang Disatukan

11. (1) Berhubung dengan pendapatan yang kena dibayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang Disatukan, pendapatan itu hendaklah dikira sebagai yang kena dibayar oleh ketua pegawai jabatan, pejabat atau badan lain yang berkenaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika apa-apa persoalan berbangkit berkaitan dengan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan suatu perintah penahanan pendapatan—

- (a) tentang jabatan, pejabat atau badan lain yang berkenaan bagi maksud seksyen ini; atau
- (b) tentang siapakah bagi maksud itu ialah ketua pegawai jabatan, pejabat atau badan lain yang berkenaan,

maka persoalan itu hendaklah dirujuk kepada dan ditentukan oleh Menteri Kewangan.

(3) Menteri Kewangan tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk menimbangkan suatu rujukan di bawah subseksyen (2) melainkan jika rujukan itu dibuat oleh mahkamah.

(4) Sesuatu dokumen yang berupa sebagai menyatakan penentuan Menteri Kewangan di bawah subseksyen (2) dan ditandatangani oleh seorang pegawai Kementerian Kewangan hendaklah, dalam mana-mana prosiding sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen itu, diterima sebagai keterangan dan disifatkan sebagai mengandungi suatu pernyataan yang tepat mengenai penentuan itu melainkan jika ditunjukkan sebaliknya.

Penalti kerana tidak mematuhi perintah penahanan pendapatan dan kerana memberikan notis atau pernyataan palsu

12. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) tidak mematuhi subseksyen 7(1) atau (4) atau perintah mahkamah di bawah subseksyen 8(1);
- (b) memberikan suatu notis di bawah subseksyen 7(4) atau suatu pernyataan menurut perintah mahkamah di bawah subseksyen 8(1) yang diketahuinya adalah palsu dalam hal perkara material; atau
- (c) secara melulu memberikan suatu notis atau pernyataan yang palsu dalam hal perkara material,

hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dipertuduh kerana tidak mematuhi subseksyen 7(1) jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mematuhi perintah penahanan pendapatan yang berkaitan dengan ketidakpatuhan itu.

Perintah untuk membuat pembayaran kepada mahkamah

13. (1) Jika defendan ialah seorang yang memperoleh hasil daripada sumber selain pendapatan, mahkamah boleh atas permohonan orang yang mengenai nafkahnya perintah nafkah itu dibuat atau

atas permohonan penjaga orang itu membuat perintah supaya mana-mana jumlah wang yang kena dibayar di bawah perintah nafkah itu dibayar terus kepada mahkamah pada mana-mana hari yang ditetapkan oleh mahkamah.

(2) Apabila diterima pembayaran jumlah wang sedemikian, mahkamah hendaklah kemudiannya membayar jumlah wang itu kepada orang yang mengenai nafkahnya perintah nafkah itu dibuat atau kepada penjaga orang itu.

(3) Jika defendan abai atau tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen (1), mahkamah yang membuat perintah itu boleh memanggil defendan untuk menunjukkan sebab tentang mengapa dia mengabaikan atau tidak mematuhi perintah itu.

(4) Jika sebab yang mencukupi tidak ditunjukkan dan jumlah wang yang kena dibayar di bawah perintah nafkah itu tidak dibayar, mahkamah boleh terus mendapatkan wang itu dengan mengeluarkan suatu waran bagi penahanan dan penjualan harta yang dipunyai oleh defendan.

(5) Kecuali bagi suatu waran penahanan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, suatu waran bagi penahanan dan penjualan harta yang dipunyai oleh defendan di bawah subseksyen (4) boleh dilaksanakan di mana-mana dalam Semenanjung Malaysia, tetapi jika waran itu dikehendaki supaya dilaksanakan di luar Negeri di mana waran itu dikeluarkan, waran itu hendaklah diendors oleh seorang Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidang kuasa dalam Negeri di mana waran itu hendak dilaksanakan.

(6) Jika jumlah wang yang kena dibayar sedemikian tidak dibayar dan tidak boleh didapatkan melalui penahanan dan penjualan itu, mahkamah boleh mengarahkan supaya defendan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan bagi tiap-tiap keabaihan atau ketidakpatuhan perintah mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(7) Apa-apa pemenjaraan di bawah subseksyen (6)—

(a) hendaklah tamat bilamana amaun yang kena dibayar itu telah dibayar atau didapatkan melalui proses undang-undang; dan

- (b) tidaklah membebaskan defendan daripada kewajipan untuk membayar jumlah wang yang kena dibayar itu yang berkenaan dengannya dia telah mengabaikan atau tidak membuat pembayaran.

(8) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika defendan diarahkan supaya dipenjarakan di bawah subseksyen (6), orang yang mengenai nafkahnya perintah nafkah itu dibuat atau penjaga orang itu tidak dikehendaki untuk membayar atau menyumbang kepada penyaraan atau nafkah defendan dalam penjara.

Pemakaian di Negeri-Negeri

14. Menurut Fasal (1) Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan, Badan-Badan Perundangan Negeri di Semenanjung Malaysia atau mana-mana daripadanya diberi kuasa untuk membuat undang-undang yang memperuntukkan bahawa Akta ini terpakai bagi atau mengenai sesuatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh atau di bawah Enakmen Negeri-Negeri itu.

Ubah suaian

15. Jika satu daripada Badan-Badan Perundangan Negeri di Semenanjung Malaysia menurut pemberikuasaan di bawah seksyen 14 mengikut suatu Enakmen memakai Akta ini bagi atau berkenaan dengan perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah Enakmennya, Akta ini hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan perintah nafkah itu tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

- (a) ungkapan “mahkamah” hendaklah termasuk suatu Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh atau di bawah Enakmen Negeri itu;
- (b) ungkapan “perintah nafkah” hendaklah termasuk suatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah itu; dan
- (c) apa-apa perintah yang dibuat atau apa-apa waran atau apa-apa proses yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah itu di bawah Akta ini hendaklah sah dan mempunyai kesan

seolah-olah perintah, waran atau proses itu dibuat atau dikeluarkan oleh seorang Majistret Kelas Pertama dalam Negeri itu dan boleh dilaksanakan dalam Negeri itu, tetapi jika perintah, waran atau proses itu dikehendaki supaya dilaksanakan di luar Negeri itu, perintah, waran atau proses itu hendaklah diendors oleh seorang Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidang kuasa dalam Negeri di mana perintah, waran atau proses itu hendak dilaksanakan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 794

AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK (PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968

(Disemak—2017)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A996	Akta Tafsiran (Pindaan) 1997	24-07-1997

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Act No. 8 tahun 1968	Act (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak ² , 1968

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 794****AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK
(PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968**

(Disemak—2017)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A996	24-07-1997
12	Akta 160	29-08-1975
13	Akta A996	24-07-1997
14	Akta A996	24-07-1997
15	Akta A996	24-07-1997

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 794

AKTA PEREMPUAN BERSUAMI DAN ANAK-ANAK (PENGUATKUASAAN NAFKAH) 1968

(Disemak—2017)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6
AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Keseluruhan Akta	1. Perkataan “defendan” menggantikan “pehak kena tuntutan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	2. Perkataan “perintah penahanan pendapatan” menggantikan “perintah tahanan pendapatan-tenaga”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	3. Perkataan “Amaun” menggantikan perkataan “Jumlah wang”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Perkataan “dikenal pasti” menggantikan “di-kenali”	perenggan 6(1)(xv)
	5. Perkataan “orang yang kepadanya perintah itu ditujukan” menggantikan “orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
	6. Ejaan dikemas kini selaras dengan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka	perenggan 6(1)(xxa)
	7. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(xxiv)
	8. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	9. Perkataan “Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968” menggantikan “Act (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak ² , 1968”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

*Perempuan Bersuami dan Anak-Anak
(Penguatkuasaan Nafkah)*

19

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Susunan kandungan	Susunan kandungan dipinda	perenggan 6(1)(vii)
Tajuk panjang	Perkataan “Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan perintah nafkah” menggantikan “Suatu Act bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan chara yang lebeh baik dan lebeh berkesan bagi menguatkuasakan perintah ² nafkah”	perenggan 6(1)(vi)
Ayat mengundang-undang	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
seksyen 1	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam nota bahu, perkataan “Tajuk ringkas” menggantikan “Nama” 2. Perkataan “Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968” menggantikan “Act ini bolehlah di-namakan Act (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak², 1968” 	<p>perenggan 6(1)(xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(vi), (xxa) dan (xxiv)</p>
seksyen 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia” menggantikan “Act ini hendaklah di-pakai bagi Negeri² Tanah Melayu sahaja” 2. Perkataan “Semenanjung Malaysia” menggantikan “Negeri² Tanah Melayu” 	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xvii)</p>
seksyen 3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “konteksnya” menggantikan “kandungan ayat-nya” 2. Dalam tafsiran “defendan”, perkataan “orang yang bertanggungjawab” menggantikan “orang yang kena” 3. Dalam tafsiran “mahkamah”— <ol style="list-style-type: none"> a. perkataan “mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa” menggantikan “mahkamah yang layak” 	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	b. Koma bernoktah menggantikan noktah	perenggan 6(1)(xvi)
4.	Dalam tafsiran “majikan”, perkataan ‘ “majikan” ertinya seseorang yang, sebagai seorang prinsipal dan bukan sebagai seorang pekhidmat atau ejen, kena membayar pendapatan kepada defendan;’ menggantikan ‘ “majikan” erti-nya sa-saorang yang oleh-nya, sa-bagai sa-orang prinsipal dan bukan sa-bagai sa-orang penjawat atau ejen, pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar kapada sa-saorang pihak kena tuntutan, dan rujukan kapada pembayaran pendapatan-tenaga hendak-lah di-ertikan dengan sewajar-nya;’	perenggan 6(1)(xxi) dan (xxiv)
5.	Dalam tafsiran “pendapatan”—	
	a. dalam perenggan (a) dan (b), perkataan “sebagai” menggantikan “sa-chara”	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
	b. dalam perenggan (a), perkataan “yang membayar upah atau gaji itu atau” menggantikan “yang membayar upah atau gaji atau”	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
	c. perkataan “atau” dimasukkan selepas koma bernoktah	perenggan 6(1)(xv)
	d. perkataan “emolumen” menggantikan “gajian”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
6.	Dalam tafsiran “perintah nafkah”, perenggan (b), perkataan “suatu perintah untuk pembayaran jumlah wang berkala sebagai nafkah atau alimoni kepada seseorang isteri atau bagi faedah mana-mana anak di bawah Akta Membarui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]; dan” menggantikan “suatu perintah untuk membayar wang berkala sa-chara nafkah atau alimoni kapada sa-orang isteri atau bagi faedah manfaat mana ² kanak ² di-bawah Ordinance Cherai, 1952;”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	7. Tafsiran “perintah nafkah” dibahagikan kepada perenggan (a),(b) dan (c) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
	8. Susunan tafsiran disusun semula mengikut ejaan	subperenggan 6(1)(iv)(a)
subseksyen 4(1)	Perkataan “Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, mahkamah boleh, atas permohonan orang yang mengenai nafkahnya perintah itu dibuat atau penjaga orang itu, membuat suatu perintah penahanan pendapatan jika didapati oleh mahkamah adil untuk berbuat demikian” menggantikan “Walau pun ada peruntukan ² mana ² undang ² bertulis yang berlawanan, mahkamah atas permohonan orang yang mengenai nafkah-nya perintah itu di-buat atau penjaga orang tersebut, boleh membuat suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga, jika mahkamah itu fikirkan patut berbuat sa-demikian”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 4(2)	Perkataan “Sesuatu permohonan bagi perintah penahanan pendapatan boleh dibuat dalam prosiding yang dalamnya suatu perintah nafkah dipohon atau dalam mana-mana prosiding kemudiannya” menggantikan “Suatu permohonan bagi suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga boleh-lah di-buat dalam pembicharaan di-mana suatu perintah nafkah dipohon atau dalam mana ² pembicharaan kemudian-nya”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 5(1)	Perkataan “Suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah menghendaki orang yang kepadanya perintah yang berkenaan itu ditujukan, iaitu seorang yang ternyata kepada mahkamah ialah majikan defendan, supaya membuat pembayaran daripada pendapatan yang kena dibayar kepada defendan bagi mematuhi perintah itu” menggantikan “Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga hendak-lah menghendaki orang yang bagi-nya perintah yang berkenaan itu di-arahkan, ia-itu sa-saorang yang pada pendapat Mahkamah ada-lah sa-bagai majikan pehak kena tuntutan, supaya membuat pembayaran daripada pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar kepada pehak kena tuntutan untuk menyelesaikan perintah itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 5(2)	Perkataan “Amaun yang akan ditetapkan dalam sesuatu perintah penahanan pendapatan hendaklah jumlah wang yang difikirkan munasabah oleh mahkamah setelah mengambil kira sumber dan keperluan defendan dan keperluan orang yang mesti atau dengan munasabah patut ditanggung oleh defendan” menggantikan “Jumlah wang yang di-kehendaki ditetapkan dalam suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga ia-lah wang yang mahkamah fikirkan sa-bagai patut sa-lepas menimbangkan keupayaan ² dan keperluan ² pehak kena tuntutan dan keperluan ² orang ² yang bagi-nya pehak kena tuntutan wajib atau sa-patut-nya menanggung”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 5(3)	Perkataan “Suatu perintah penahanan pendapatan hendaklah mengandungi, setakat yang butir-butir itu diketahui oleh mahkamah yang membuat perintah itu, apa-apa butir yang ditetapkan bagi maksud membolehkan defendan itu dikenal pasti oleh orang yang kepadanya perintah itu ditujukan” menggantikan “Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga hendak-lah mengandongi, sa-takat yang di-ketahui oleh mahkamah yang membuat perintah itu, butir ² yang mungkin di-tetapkan bagi maksud membolehkan pehak kena tuntutan itu di-kenali oleh orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 5(4)	Perkataan “Suatu perintah penahanan pendapatan atau apa-apa perubahan perintah itu tidak boleh berkuat kuasa sehingga berakhir tempoh tujuh hari dari tarikh apabila suatu salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang kepadanya perintah itu ditujukan” menggantikan “Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga atau apa ² perubahan bagi-nya tidak-lah boleh mula berkuatkuasa sa-hingga habis tempoh tujuh hari daripada tarikh salinan perintah itu di-sampaikan kepada orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 6	Dalam nota bahu, perkataan “ Kesan ” menggantikan “ Natijah ”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
perenggan 6(3)(a)	Perkataan “apabila suatu waran dikeluarkan yang mengarahkan bahawa amaun yang kena dibayar di bawah perintah nafkah yang berkaitan itu hendaklah dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melewi denda” menggantikan “apabila di-keluarkan suatu waran mengarahkan supaya wang yang kena di-bayar di-bawah perintah nafkah yang berkaitan itu hendak-lah di-dapatkan mengikut chara yang di-buat oleh undang ² bagi mendapatkan denda”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 7(1)	Perkataan “Seseorang yang kepadanya suatu perintah penahanan pendapatan ditujukan hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain tetapi tertakluk kepada Akta ini, mematuhi perintah itu atau, jika perintah itu kemudiannya diubah di bawah seksyen 6, mematuhi perintah itu sebagaimana yang diubah sedemikian” menggantikan “Sa-saorang yang bagi-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-arahkan hendak-lah, walau apa pun yang terkandung dalam mana ² undang ² bertulis yang lain tetapi terta’alok kapada peruntokan ² Act ini, mematohi perintah itu atau, jika perintah itu kemudian-nya di-ubah di-bawah peruntokan ² sekshen 6 Act ini, perintah itu saperti yang di-ubah itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 7(2)	Perkataan “Jika pada bila-bila masa apabila pendapatan kena dibayar kepada defendan terdapat dua perintah penahanan pendapatan atau lebih yang berkuat kuasa yang berhubungan dengan pendapatan itu, maka, bagi maksud mematuhi Akta ini majikan hendaklah” menggantikan “Jika pada bila ² masa, apabila pendapatan-tenaga terkena di-bayar kapada pehak kena tuntutan, ada dua atau lebeh perintah ² tahanan pendapatan-tenaga berkuatkuasa berhubong dengan pendapatan-tenaga itu, maka, bagi maksud mematohi Act ini majikan hendak-lah”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
perenggan 7(2)(a)	Perkataan “menguruskan perintah-perintah itu masing-masing mengikut tarikh perintah-perintah itu mula berkuat kuasa tanpa mengambil kira mana-mana perintah yang terkemudian sehingga semua perintah yang terdahulu telah diuruskan;” menggantikan “menyelenggarakan perintah ² itu menurut tarikh masing ² bila perintah ² itu mula berkuatkuasa dengan tidak mengambil kira mana ² perintah yang kemudian-nya sa-hingga semua perintah ² yang dahulu itu telah selesai di-selenggarakan;”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 7(3)	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “majikan” dan “Akta ini” 2. Koma selepas perkataan “yang” dan “perintah tahanan pendapatan-tenaga” ditinggalkan 3. Perkataan “pembayaran” menggantikan “yang di-bayar”	perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(xv)
subseksyen 7(4)	Perkataan “Jika orang yang kepadanya suatu perintah penahanan pendapatan ditujukan telah, dalam tempoh masa sebulan sebaik sebelum hari perintah itu disampaikan kepadanya, bukan pada bila-bila masa merupakan majikan defendan, dia hendaklah dengan sertamerta memberikan notis bertulis yang bermaksud sedemikian dalam bentuk yang ditetapkan kepada mahkamah” menggantikan “Jika orang yang baginya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-arahkan telah, dalam tempoh sa-bulan yang akhir sa-belum hari perintah itu di-sampaikan kapada-nya, tidak pada bila ² masa jua menjadi majikan pehak kena tuntutan itu, ia hendak-lah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan demikian itu dengan borang yang di-tetapkan kapada mahkamah”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
seksyen 8	Dalam nota bahu, perkataan “ Kuasa tambahan mahkamah dalam prosiding perintah penahanan pendapatan ” menggantikan “ Kuasa² tambahan bagi mahkamah dalam langkah² pembicharaan perintah tahanan pendapatan-tenaga ”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 8(1)	1. Perkataan “dibawa” menggantikan “di-jalankan” 2. Koma selepas perkataan “boleh-lah” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) perenggan 6(1)(xvi)
perenggan 8(1)(a)	Perkataan “memerintahkan supaya defendan memberi mahkamah, dalam tempoh yang dinyatakan oleh perintah itu, suatu pernyataan yang ditandatangani mengenai” menggantikan “memerintah pihak kena tuntutan itu supaya memberi kepada mahkamah, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh perintah itu, suatu kenyataan yang di-tandatangani oleh-nya mengenai”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subperenggan 8(1)(a)(ii)	Perkataan “dan” dimasukkan selepas koma bernoktah	perenggan 6(1)(xv)
subperenggan 8(1)(a)(ii) dan (iii)	Perkataan “apa-apa butir” menggantikan “butir ² ”	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
perenggan 8(1)(b)	Perkataan “memerintahkan supaya mana-mana orang yang ternyata kepada mahkamah ialah majikan defendan memberi mahkamah, dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh perintah itu, suatu pernyataan yang ditandatangani atau bagi pihaknya tentang apa-apa butir yang dinyatakan oleh perintah itu, mengenai semua pendapatan defendan yang kena dibayar oleh orang itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan sedemikian dalam perintah itu” menggantikan “memerintah mana ² orang yang pada pendapat mahkamah ada-lah sa-orang majikan pihak kena tuntutan itu supaya memberi kepada mahkamah, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, suatu kenyataan yang di-tandatangani oleh-nya atau bagi pihak-nya tentang butir ² yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu mengenai semua pendapatan-tenaga pihak kena tuntutan yang terkena di-bayar kepada orang itu dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 8(2)	Perkataan “Suatu dokumen yang berupa sebagai suatu pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah, dalam mana-mana prosiding yang disebut sedemikian, diterima sebagai keterangan dan disifatkan sebagai suatu pernyataan sedemikian tanpa apa-apa bukti lanjut melainkan jika ditunjukkan sebaliknya” menggantikan “Suatu surat yang di-katakan sa-bagai suatu kenyataan yang tersebut dalam seksyen-kecil (1) seksyen ini hendak-lah, dalam sa-suatu pembicaraan yang tersebut sa-demikian itu, di-terima sa-bagai keterangan dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu kenyataan sa-demikian dengan tiada di-kehendaki apa ² bukti lanjut melainkan sa-suatu yang akas-nya di-tunjokkan”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
seksyen 9	Dalam nota bahu, perkataan “ Kuasa mahkamah menentukan apakah pendapatan ” menggantikan “ Kuasa mahkamah memutuskan sama ada pendapatan-tenaga atau bukan ”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
subseksyen 9(1)	Perkataan “Mahkamah yang olehnya suatu perintah penahanan pendapatan telah dibuat hendaklah, atas permohonan orang yang kepadanya perintah itu ditujukan atau atas permohonan defendan atau orang yang bagi faedahnya perintah itu dibuat, menentukan sama ada pembayaran kepada defendan daripada kelas atau perihalan tertentu yang dinyatakan oleh permohonan itu ialah pendapatan bagi maksud perintah itu; dan orang yang kepadanya perintah itu ditujukan berhak untuk menguatkuasakan apa-apa penentuan yang sedang berkuat kuasa di bawah subseksyen ini” menggantikan “Mahkamah yang oleh-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga telah di-buat hendak-lah, atas permohonan orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan atau atas permohonan pihak kena tuntutan atau orang yang menerima faedah daripada perintah itu, memutuskan sama ada pembayaran ² kepada pihak kena tuntutan yang dalam sa-suatu kelas atau jenis tertentu yang di-nyatakan dalam permohonan itu adalah pendapatan-tenaga bagi maksud ² perintah itu; dan orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan ada-lah berhak menguatkuasakan sa-suatu keputusan yang pada masa itu berkuatkuasa di-bawah seksyen-kecil ini”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 9(2)	Dibahagikan kepada subseksyen 9(2) dan (3) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 10(2)	Dibahagikan kepada perenggan 10(2)(a) dan (b) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 11(1)	Perkataan “Berhubung dengan pendapatan yang kena dibayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang Disatukan, pendapatan itu hendaklah dikira sebagai yang kena dibayar oleh ketua pegawai jabatan, pejabat atau badan lain yang berkenaan” menggantikan “Berkenaan dengan pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan pendapatan-tenaga itu hendaklah dikira sa-bagai terkena di-bayar oleh yang pada masa itu ada-lah ketua pegawai jabatan, pejabat atau lain ² badan yang berkenaan itu”	perenggan 6(1)(xiii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 11(2)	Dibahagikan kepada perenggan 11(2)(a) dan (b) dan subseksyen 11(3) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 11(3)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 11(4) 2. Perkataan “Sesuatu dokumen yang yang berupa sebagai menyatakan penentuan Menteri Kewangan di bawah subseksyen (2) dan ditandatangani oleh seorang pegawai Kementerian Kewangan hendaklah, dalam mana-mana prosiding sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen itu, diterima sebagai keterangan dan disifatkan sebagai mengandungi suatu pernyataan yang tepat mengenai penentuan itu melainkan jika ditunjukkan sebaliknya” menggantikan “Suatu surat yang di-katakan sa-bagai menyatakan keputusan Mentri Kewangan di-bawah sekshen-kechil (2) sekshen ini dan sa-bagai ditandatangani oleh sa-orang pegawai Kementerian Kewangan hendaklah, dalam sa-suatu pembicharaan sa-bagaimana yang tersebut dalam sekshen-kechil itu, di-terima sa-bagai keterangan dan ada-lah di-sifatkan sa-bagai mengandungi suatu kenyataan yang tepat mengenai keputusan itu melainkan sa-suatu yang akas-nya di-tunjokkan” 	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 12(1)	Perkataan “Mana-mana orang” menggantikan “Sa-siapa”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
perenggan 12(1)(a)	Perkataan “atau” selepas koma bernoktah ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
perenggan 12(1)(b)	Perkataan “memberikan suatu notis di bawah subseksyen 7(4) atau suatu pernyataan menurut perintah mahkamah di bawah subseksyen 8(1) yang diketahuinya adalah palsu dalam hal perkara material;” menggantikan “memberi suatu notis sa-bagaimana yang tersebut dalam sekshen-kecil (4) sekshen 7 dalam Act ini atau suatu kenyataan menurut suatu perintah sa-suatu mahkamah di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 8 dalam Act ini, dan notis atau kenyataan itu di-ketahui-nya sa-bagai palsu mengenai sa-suatu perkara yang mustahak;”	perenggan 6(1)(iii), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 12(1)(c)	Perkataan “secara melulu memberikan suatu notis atau pernyataan yang palsu dalam hal perkara material,” menggantikan “dengan gopoh memberi suatu notis atau kenyataan yang palsu mengenai sa-suatu perkara yang mustahak”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 12(1)	Perkataan “hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya” menggantikan “ada-lah terta’alok kepada sekshen-kecil (2) sekshen ini, boleh di-kenakan, apabila thabit kesalahan itu, penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada sa-tahun atau denda sa-banyak tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau kedua ² hukuman penjara dan denda”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 12(2)	Perkataan “Menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dipertuduh kerana tidak mematuhi subseksyen 7(1) jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mematuhi perintah penahanan pendapatan yang berkaitan dengan ketidakpatuhan itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	menggantikan “Ada-lah menjadi suatu pembelaan bagi sa-saorang yang di-pertudohkan kerana tiada mematohi sekshen-kechil (1) sekshen 7 dalam Act ini membuktikan bahawa ia telah mengambil segala langkah ² yang patut bagi mematohi perintah tahanan pendapatan-tenaga itu yang mengenai-nya kemungkiran itu berkaitan”	
seksyen 13	Dalam nota bahu, perkataan “ Perintah untuk membuat pembayaran kepada mahkamah ” menggantikan “ Perintah supaya membuat pembayaran kepada mahkamah ”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
subseksyen 13(1)	Dibahagikan kepada subseksyen 13(1) dan (2) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 13(2)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 13(3) 2. Perkataan “Jika defendan abai atau tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen (1), mahkamah yang membuat perintah itu boleh memanggil defendan untuk menunjukkan sebab tentang mengapa dia mengabaikan atau tidak mematuhi perintah itu” menggantikan “Jika pehak kena tuntutan itu chuai atau tidak mematohi sa-suatu perintah yang di-buat oleh mahkamah di-bawah sekshen-kechil (1) itu, mahkamah yang membuat perintah itu boleh-lah memanggil pehak kena tuntutan itu supaya menunjokkan sebab mengapa ia chuai atau tidak mematohi perintah tersebut”	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 13(3)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 13(4) 2. Perkataan “Jika sebab yang mencukupi tidak ditunjukkan dan jumlah wang yang kena dibayar di bawah perintah nafkah itu tidak dibayar, mahkamah boleh terus mendapatkan wang itu dengan mengeluarkan suatu waran bagi penahanan dan penjualan harta yang dipunyai oleh defendan”	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	<p>menggantikan “Jika sebab yang chukup tiada di-beri dan jumlah wang yang kena di-bayar dan terhutang di-bawah perentah nafkah itu tidak di-bayar, mahkamah itu boleh-lah mendapatkan-nya dengan mengeluarkan suatu waran bagi menahan dan menjual harta yang di-punyai oleh pehak kena tuntutan itu”</p>	
<p>subseksyen 13(4)</p>	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 13(5)</p> <p>2. Perkataan “Kecuali bagi suatu waran penahanan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, suatu waran bagi penahanan dan penjualan harta yang dipunyai oleh defendan di bawah subseksyen (4) boleh dilaksanakan di mana-mana dalam Semenanjung Malaysia, tetapi jika waran itu dikehendaki supaya dilaksanakan di luar Negeri di mana waran itu dikeluarkan, waran itu hendaklah diendors oleh seorang Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidang kuasa dalam Negeri di mana waran itu hendak dilaksanakan” menggantikan “Kechuali bagi suatu waran tahanan yang di-keluarkan oleh Mahkamah Tinggi, suatu waran untok menahan dan menjual harta yang di-punyai oleh pehak kena tuntutan di-bawah sekshen-kechil (3) boleh-lah dilaksanakan di-mana² sahaja dalam Negeri² Tanah Melayu, tetapi jika ada-lah di-kehendaki supaya dilaksanakan di-luar Negeri di-mana ia di-keluarkan, waran itu hendak-lah di-sahkan oleh sa-orang Majisteret Kelas Pertama yang mempunyai bidang kuasa dalam Negeri di-mana waran itu hendak di-laksanakan”</p>	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)</p>
<p>subseksyen 13(5)</p>	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 13(6)</p> <p>2. Perkataan “Jika jumlah wang yang kena dibayar sedemikian tidak dibayar dan tidak boleh didapatkan melalui penahanan dan penjualan itu, mahkamah boleh mengarahkan</p>	<p>perenggan 6(1)(xii)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	supaya defendan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan bagi tiap-tiap keabaihan atau ketidakpatuhan perintah mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1)” menggantikan “Jika jumlah wang yang kena di-bayar dan terhutang itu tidak di-bayar dan tidak boleh di-dapati dengan jalan tahanan dan jualan itu, mahkamah itu boleh-lah mengarahkan supaya pehak kena tuntutan itu di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada sa-bulan bagi tiap ² kechuaian tiap ² kali ia tidak mematohi perintah mahkamah yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (1) itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
	3. Noktah menggantikan noktah bertindih	perenggan 6(1)(xvi)
subseksyen 13(5)	Proviso dibahagikan kepada perenggan 13(7)(a) dan (b) dan subseksyen 13(8) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
seksyen 14	Perkataan “Menurut Fasal (1) Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan, Badan-Badan Perundangan Negeri di Semenanjung Malaysia atau mana-mana daripadanya diberi kuasa untuk membuat undang-undang yang memperuntukkan bahawa Akta ini terpakai bagi atau mengenai sesuatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh atau di bawah Enakmen Negeri-Negeri itu” menggantikan “Ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa menurut Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan badan perundangan bagi Negeri ² Tanah Melayu atau mana ² daripadanya ada-lah dengan ini di-berikuasa untuk membuat undang ² bagi membuat peruntukan ² supaya peruntukan ² Act ini di-pakai kepada atau mengenai sa-suatu perintah nafkah yang di-buat oleh Mahkamah ² Shariah yang di-tubuhkan oleh atau di-bawah enactment Negeri ² itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
seksyen 15	1. Dalam nota bahu, perkataan “ Ubah suaian ” menggantikan “ Pengubahsuaian ”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	2. Perkataan “pemberikuasaan” menggantikan “pemberiankuasa”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “Akta ini” menggantikan “peruntokan ² Act ini”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Koma selepas perkataan “berikut” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	5. Perkataan “ia-itu” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
	6. Noktah bertindih menggantikan sempang	perenggan 6(1)(xvi)
perenggan 15(a) dan (b)	1. Perkataan “ungkapan” menggantikan “perbhasaan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	2. Perkataan “hendaklah termasuk” menggantikan “ada-lah termasuk” dan “hendak-lah termasuk”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 15(c)	Perkataan “apa-apa perintah yang dibuat atau apa-apa waran atau apa-apa proses yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah itu di bawah Akta ini hendaklah sah dan mempunyai kesan seolah-olah perintah, waran atau proses itu dibuat atau dikeluarkan oleh seorang Majistret Kelas Pertama dalam Negeri itu dan boleh dilaksanakan dalam Negeri itu, tetapi jika perintah, waran atau proses itu dikehendaki supaya dilaksanakan di luar Negeri itu, perintah, waran atau proses itu hendaklah diendors oleh seorang Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidang kuasa dalam Negeri di mana perintah, waran atau proses itu hendak dilaksanakan” menggantikan “mana ² perentah yang di-buat atau mana ² waran atau mana ² surat perentah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang tersebut di-bawah peruntokan ² Act ini hendak-lah sah dan berkuatkuasa sa-olah ² ia-nya di-buat atau di-keluarkan oleh sa-orang Majistret Kelas Pertama dalam Negeri itu dan boleh-lah di-laksanakan dalam Negeri itu, tetapi jika ia-nya di-kehendaki supaya di-laksanakan di-luar Negeri itu, ia hendak-lah di-sahkan oleh sa-orang Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidangkuasa dalam Negeri di-mana ia-nya hendak di-laksanakan”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)